

Panduan Berdoa 10 Hari Hari Doa Global 2011

JUN 12, 2011

www.globaldayofprayermalaysia.com
www.globaldayofprayer.com

Saudara dan saudari dalam Kristus,

Hari Doa Global telah menyatukan jutaan umat kristian dalam pertobatan dan kesatuan doa pada 23 Mei 2010. Laungan doa untuk transformasi memenuhi stadium, lapangan terbuka, pusat komuniti dan rumah – rumah. Doa – doa ini mempunyai kuasa untuk membawa transformasi kepada dunia kita dan memenuhi Negara kita dengan kemuliaan ALLAH.

Pada 12 Jun 2011, Tuhan sekali lagi memanggil suku bangsa dari Utara, Selatan, Timur dan Barat untuk bersama – sama mengharungi perjalanan doa bersama-Nya. Ianya suatu perjalanan yang tidak berpusat kepada kita tetapi kepada dunia yang sangat memerlukan kemuliaan dan belas kasihan dari Tuhan.

Ianya merupakan satu panggilan untuk meresponi ajakan Tuhan dalam 2 Tawarikh 7:14, untuk merendahkan diri, berdoa dan mencari wajah Nya dan berbalik dari jalan yang jahat. Semoga Dia mendengar doa-doa kita, mengampuni dosa kita dan memulihkan Negara kita.

Mari kita memandang kemuliaan-Nya

Graham Power,
Pengerusi, Hari Doa Global

“...dan Aku datang untuk mengumpulkan segala bangsa dari semua bahasa, dan mereka itu akan datang dan melihat kemuliaan-Ku” – Yesaya 66:18

Hari Doa Global – 12 Jun 2011

“Ketika tiba hari Pentakosta, semua orang percaya berkumpul di satu tempat.” — Kis. 2:1

Panggilan Untuk Bertobat dan Berdoa : Pada permulaan millenium, orang-orang percaya di seluruh Afrika merasakan bahawa Allah memanggil mereka untuk mencari Nya dalam doa dan pertobatan dan memanggil setiap orang di seluruh Negara untuk berkumpul dan bersatu dalam doa untuk kota dan Negara mereka.

Sejak perhimpunan itu, setiap perhimpunan yang sama pada setiap tahun, semakin bertambah di seluruh Afrika dan pada tahun – tahun berikutnya, ia merebak di seluruh dunia. Hasilnya adalah Hari Doa Global yang pertama pada hari Minggu Pentakosta, tahun 2005.

Melintasi Mukabumi : Jutaan orang daripada berbagai aliran Kristian telah bergabung untuk menyahut seruan untuk bertobat dan berdoa pada tahun-tahun berikutnya. Kegerakkan ini terus tersebar dan semakin mendalam. Stadium – stadium dipenuhi, rumah – rumah dipenuhi dengan kumpulan-kumpulan kecil, kawasan perkampungan dipenuhi dan banyak gereja bersatu dalam doa untuk melihat kemuliaan dan berkat Tuhan yang lebih besar ke atas Negara-negara di seluruh dunia.

Kekuatan Kegerakan Doa : Pada 12 June 2010, umat Kristian akan sekali lagi bergabung untuk berdoa dan bertobat dengan sepenuh hati dan harapan.

SEPULUH menuju SATU, diikuti dengan SEMBILANPULUH

Inspirasi untuk Hari Doa Global diambil dari tiga bahagian dari kelahiran Gereja: sepuluh hari

doa tanpa henti menuju kepada Pentakosta, satu hari doa yang disaksikan oleh seluruh kota dan diikuti dengan hari-hari yang penuh berkat. Oleh sebab itu, Hari Doa Global terdiri daripada tiga bahagian.

Sepuluh hari doa tanpa henti: 2-11 Jun 2011. Pada Hari Kenaikan Yesus ke syurga, pada 2 Jun, jutaan orang Kristian akan mencari cara untuk berdoa siang dan malam sepanjang sepuluh hari menuju kepada hari Pentakosta, (mengikuti contoh para pengikut Kristus sebelum Pentakosta pertama).

Hari Doa Global: 12 Jun 2011. Pada hari Minggu Pentakosta, orang-orang Kristian di hampir setiap Negara akan berkumpul untuk berdoa. Ramai yang akan berkumpul dalam kumpulan - kumpulan kecil di rumah-rumah. Ramai yang akan berkumpul di stadium-stadium besar dan tempat-tempat awam yang lain.

Sembilan puluh hari memberkati: 13 Jun – 10 September 2011. Seperti pada hari Pentakosta yang pertama, orang-orang Kristian yang telah mengalami transformasi akan membawa transformasi kepada komuniti-komuniti mereka ketika mereka memberi diri mereka kepada Tuhan sebagai alat-Nya dimana doa-doa mereka dapat dijawab.

Hari Doa Global menjadi pemangkin kepada pembentukan atau lanjutan persekutuan-persekutuan setempat di antara pastor-pastor, gereja-gereja, misi-misi dan pemimpin-pemimpin kalangan bisnes, untuk membawa berkat yang praktikal untuk membawa transformasi ke dalam komuniti mereka.

Panggilan untuk Berdoa Bagi Perkara Yang Besar

Bagi kemuliaan Tuhan dan berkat bagi bangsa-bangsa

Hari Doa Global adalah panggilan dari Allah untuk bertemu dengan-Nya dan umat Kristian yang lain agar Dia akan mengubah kita dan menyatakan kehendak-Nya bagi segala bangsa. Sekiranya anda membaca buku ini, anda mungkin sedang mendengar suara Allah memanggil anda dan Dia meletakkan harapan di dalam hati anda, sesuatu yang tidak akan dibiarkannya begitu saja. Sebaliknya, Allah akan membuat kita menjadi serupa dengan Kristus. Meskipun banyak kejahatan, Dia akan memulihkan banyak keluarga, tanah dan manusia dan seisi dunia akan dipenuhi dengan sinar kemuliaan dan sukacita.

Menaikkan "Doa Bapa kami"

Untuk membantu kita menyatukan hati dan fikiran kita sepanjang 10 hari sebelum hari Pentakosta.

Berdoa untuk perkara yang lebih besar

Kita berkumpul untuk berdoa pada Tuhan agar Dia menggenapi perkara-perkara besar yang telah dijanjikanNya : BerkatNya yang membawa transformasi kepada setiap orang dan KemuliaanNya yang memberi kehidupan di setiap komuniti.

Keperluan yang mendalam :

Di saat kita membuka hati kita dan berharap kepada apa yang telah Allah tentukan, Dia akan membantu kita untuk berdoa dengan keyakinan yang jelas berkenaan keperluan yang mendesak dalam keluarga, kota dan negara kita.

BERSAMA-SAMA KEMBALI KEPADA TUHAN

Saat yang memberi pengharapan : Pertobatan sebagai anugerah dari Tuhan.

Menjawab Panggilan Tuhan. Dalam sejarah alkitab, Tuhan memanggil umat-Nya untuk kembali pada-Nya agar mereka diampuni, dibaharui dan dipakai oleh-Nya untuk tujuan yang khusus. Dalam beberapa tahun yang lalu, Hari Doa Global telah menjadi suatu seruan untuk doa dan pertobatan. Kitab Yoel telah banyak membantu ramai orang untuk meresponi kepada panggilan Tuhan untuk bertobat.

Kembali kepada Tuhan kerana Dia ingin tinggal di dalam kita; pertobatan Yoel bukanlah suatu perubahan hidup dari gaya hidup yang berdosa. Sebaliknya, pertobatan bukan sekadar meninggalkan dosa, hati yang bertobat adalah hati yang mengarah kepada Tuhan. Apa yang penting didalam kitab Yoel adalah apabila umat Tuhan menjauhkan diri daripadanya kerana dosa. Tuhan membuka hati-Nya dan memanggil umat-Nya untuk kembali kepada-Nya. Panggilan-Nya terfokus pada harapan untuk bertobat dan segala kebaikan yang Tuhan ingin berikan.

10-1-90

Sepuluh Hari Berdoa Tanpa Berhenti – 2 Jun – 11 Jun 2011

Cari cara-cara kreatif untuk berkumpul bersama. Banyak orang yang telah membuat doa berantai untuk membangun api doa selama 24 jam sehari. Ada juga yang bertemu dengan cara berkumpul selama satu atau dua jam untuk doa yang terfokus. Ada yang berpuasa. Temukan bagaimana Roh Kudus member kita cara yang baru untuk mengajak keluarga dan teman-teman untuk berdoa.

Kanak-kanak turut berdoa! Mari libatkan kanak-kanak sebagai sahabat doa kita. Suatu versi khusus buku panduan doa ini telah disediakan untuk kanak-kanak. Ini akan membantu banyak keluarga berdoa bersama dan mencari cara yang kreatif untuk membantu anak-anak berdoa bersama-sama. Dapatkan ini di www.globaldayofprayer.com

Golongan dewasa muda akan berdoa pada setiap waktu. Pada masa kini, orang-orang muda telah mencari Tuhan dengan semangat yang jarang dilihat dalam sejarah. Di beberapa buah Negara, mereka berdoa tanpa henti dalam kegerakan doa selama sepuluh hari. Orang-orang muda telah mempersiapkan cara memakai panduan berdoa ini yang dibuat untuk membantu dan memfokuskan doa orang-orang muda dari berbagai usia. Dapatkan versi sampingan ini di www.globaldayofprayer.com

Berdoa dalam bahasa yang berlainan. Buku panduan ini telah diterjemahkan ke dalam lebih kurang 50 bahasa agar jutaan orang Kristian di seluruh dunia akan mendoakan perkara-perkara doa ini. Lihat www.globaldayofprayer.com untuk mencari terjemahan yang anda kehendaki.

Pada 31hb Mei, dengan menaikkan **Doa Bapa Kami** bersama, kita akan mengangkat suara kita melalui program Doa Untuk Dunia yang terdapat pada mukasurat 12-14. Marilah kita mendoakan perkara-perkara doa ini sepanjang hari yang istimewa ini.
Berbaliklah kepada-Ku dengan segenap hatimu, dengan berpuasa, dengan menangis...kumpulkanlah bangsa ini...himpunkanlah orang-orang tua, kumpulkanlah anak-anak... Yoel 2:12-16

Oleh kerana ruangan tidak mencukupi, semua ayat-ayat firman Tuhan yang penting tidak dapat dicetak di sini. Sila baca setiap satu bahagian dalam pasal ke-2 di dalam kitab Yoel di dalam alkitab anda. Anda digalakkan untuk merenungkan kitab Yoel berulang kali selama 10 hari berdoa.

Pertobatan adalah anugerah. Kita tidak seharusnya cuba untuk mereka-reka perasaan bersalah atau berpura-pura beremosi. Namun kita boleh membuka hidup kita kepada Tuhan. Kita boleh bertumbuh dengan yakin didalam kasih-Nya yang besar dan setia. Mari kita meminta Tuhan untuk memberi kita kesempatan untuk meninggalkan kegelapan dan masuk ke dalam terang-Nya. Ubahlah kebiasaan mu dengan berpuasa dan berdoa bersama yang lain.

Inilah waktunya. Mari kita berjumpa dengan Tuhan.

HARI PERTAMA

2 Jun (Khamis)

KEBANGKITAN

Bapa kami yang di syurga...

- Agar Tuhan membangkitkan dan mempersatukan umatNya sebagai satu keluarga di hadapanNya.
- Agar orang Kristen yang tidak setia, datang bertobat dan kembali menjadikan Tuhan sebagai Bapa. Belajar untuk mentaati dan beriman kepadaNya.
- Agar ada kegerakan yang segar. Dengan tekun mencari takhta kemuliaan dan rahmatNya.

HARI KEDUA

3 Jun (Jumaat)

MENYATAKAN

...menguduskan nama-MU

- Berdoa agar ALLAH dimuliakan dan dihormate lewat kebenaran akan keperibadianNya.
- Berdoa agar ALLAH segala tipu muslihat mengenaiNya di dedahkan dan ALLAH sendiri lebih tinggi dari allah – allah yang lain.
- Berdoa agar firman Tuhan distiharkan dalam setiap orang di segenap pelusuk dunia.
- Berdoa agar firman Tuhan diterjemahkan kepada setiap bahasa yang ada di dunia.

Panggilan untuk KEMBALI

Berbaliklah kepada-Ku dengan segenap hatimu, dengan berpuasa, dengan menangis... Yoel 2:12

Bacalah Yoel 2:12-14 dengan kuat. Bayangkan sekiranya hari ini adalah saat-saat kritikal seperti pada zaman Yoel. Ramai umat Tuhan yang semakin jauh dari Tuhan. Namun sekarang Dia memanggil kita untuk kembali kepada-Nya dengan segenap hati kita. Kembali kepada Tuhan bermaksud lebih dari sekadar kembali ke gereja dan meninggalkan dosa, ianya bermaksud kita menumpukan sepenuh perhatian kita kepada Tuhan, makin mendekati kepada-Nya dengan keyakinan akan kasih-Nya yang luar biasa. Kasih-Nya yang besar tidak hanya akan menyelamatkan kita dari segala yang jahat, namun memberkati dan menguatkan kita.

HARI KETIGA

4 Jun (Sabtu)

MEMERINTAH

...Kerajaan Mu datanglah...

- Berdoa agar ramai orang yang akan menyerahkan hidup mereka kepada Yesus Kristus melalui injil yang disampaikan, agar mereka dapat mengasihi dan mengikutinya sebagai Raja.
- Berdoa agar pengikut Kristus berjalan dalam kepenuhan Roh Allah supaya mereka dapat hidup seperti Kristus.
- Berdoa agar kedaulatan Kristus mempengaruhi segenap kota dan komuniti kita.

HARI KEEMPAT

5 Jun (Ahad)

PERUBAHAN (TRANSFORMASI)

...dan kehendak Mu terjadi di bumi seperti di syurga...

- Berdoa agar anak-anak Tuhan dapat memberkati dan memberi pengaruh di dalam setiap bidang perniagaan, kesenian, pendidikan dan kerajaan sehingga terjadinya transformasi.

- Berdoa agar hikmat Tuhan turun ke atas pemimpin kerajaan kita supaya terjadinya perubahan dan meningkatkannya kejujuran dan keadilan di dalam pemerintahan.
- Berdoa agar sukacita, damai dan kebenaran Kristus menjadi nyata melalui kuasa Roh Kudus.

Panggilan untuk Berkumpul

“kumpulkanlah bangsa ini...dan biarlah mereka berkata “Sayangilah, ya TUHAN, umat-Mu...Mengapa orang berkata di antara bangsa: Di mana Allah mereka? Yoel 2:16-17

Baca Yoel 2:15-17. Untuk bertobat, kita harus bersama-sama datang kepada Tuhan. Dia mahu kita berjumpa dengan-Nya bersama-sama. Itulah sebabnya Dia memanggil kita untuk keluar dari kebiasaan rutin kita agar kita dapat berkumpul bersama dihadapan-Nya dalam kumpulan yang besar dan kecil. Inilah waktunya untuk mengubah kebiasaan kita setiap hari dan mulai berpuasa. Mengapa hal ini penting? Kerana ada sesuatu hal yang besar akan terjadi. Mari kita membuka hati kita dan meratap akan keadaan diri kita. Dihadapan dunia, kita kelihatan seperti tidak memiliki Tuhan. Renungkan dan temukan pada yang membawa kesedihan pada hati Tuhan dan mari kita berdoa agar Dia membawa transformasi dan kemuliaan-Nya nyata lewat itu.

HARI KELIMA

6 Jun (Isnin)

MENYEDIAKAN

...Berikan kepada kami makanan kami yang secukupnya...

- Berdoa untuk keperluan makanan, minuman dan kesihatan bagi orang yang miskin, yang sakit dan juga kanak-kanak.
- Berdoa agar melalui pertolongan Roh Kudus, umat Allah menjadi ejen perubahan dan kesembuhan yang turut membawa keadilan, damai sejahtera dan berkat yang melimpah seperti yang dikehendaki Allah.
- Berdoa agar umat Allah mengalami janji-janji Tuhan untuk memberkati umatNya dengan cara mengatasi masalah kemiskinan dalam komuniti mereka.
- Berdoa agar orang-orang kristian penuh dengan belas kasihan dan tekun dalam membasmi sakit-penyakit khususnya merawat orang-orang yang baru mengalami penyakit yang parah seperti HIV/AIDS.

HARI KEENAM

7 Jun (Selesa)

AMPUNI

...Ampuni kami diatas kesalahan kami...

- Berdoa agar Roh Tuhan menggerakkan hati kaum lelaki dan wanita supaya mereka dapat melihat bagaimana hidup mereka hancur akibat dan dosa.
- Berdoa agar Roh Tuhan menguatkan setiap orang yang mau meninggalkan tabiat dosa mereka dan mengistiharkan permusuhan dengan kuasa kegelapan.
- Berdoa agar ada pertobatan dari dosa yang mengakibatkan peperangan, kemiskinan dan ketidakadilan.

Panggilan untuk BERHARAP

“Tuhan menjadi cemburu...dan Dia berbelas kasihan kepada umat-Nya...jangan takut,bersorak-sorailah dan bersukacitalah, sebab juga Tuhan telah melakukan perkara yang besar” Yoel2:18-21

Bacalah Yoel 2:18-22. Kita boleh bertobat bersungguh-sungguh kerana Tuhan sangat cemburu kerana nama-Nya dan umat-Nya. Kerana kasih Tuhan yang sangat besar, pertobatan kita haruslah lebih berani. Sebesar manapun kejahatan yang ada, Tuhan akan melakukan hal yang lebih besar.

HARI KETUJUH

8 Jun (Rabu)

PERDAMAIAN

...as we forgive those who sin against us...

- Menghancurkan perasaan dendam, sakit hati dan perselisihan kaum agar hubungan yang rosak dapat dipulihkan.
- Berdoa agar terjadinya tanda-tanda kekuasaan Tuhan ditengah-tengah peperangan, sekaligus menyatakan kerinduan Tuhan agar peperangan di hapuskan.
- Berdoa agar ada pemulihan dalam hubungan antara wanita dan lelaki dan terjadinya perdamaian dalam perkahwinan dan hubungan yang dipulihkan antara anak-anak dan ibubapa.
- Berdoa bagi mereka yang dianiaya kerana nama Kristus. Berdoa supaya mereka dikuatkan dan tetap bertahan di dalam Roh dan kasih karunia Tuhan.

HARI KELAPAN

9 Jun (Khamis)

PIMPIN

...dan janganlah membawa kami ke dalam pencobaan...

- Berdoa agar orang-orang Kristian dipenuhi dengan kasih dan kesungguhan untuk menyenangkan hati Tuhan dan tidak digoncangkan dengan harta benda dan kenajisan.
- Berdoa agar umat Tuhan terus berjalan dalam hikmat dan terangnya supaya kita semua dapat memenuhi tujuan Allah di bumi ni.
- Berdoa untuk para pemimpin di bidang pendidikan, perniagaan dan kerajaan agar mereka dipimpin oleh Kristus dan amalan rasuah akan diatasi di setiap penjuru kota dan perniagaan.

Panggilan untuk MERAYAKAN

“makan kamu akan makan banyak-banyak dan menjadi kenyang...memuji nama Tuhan, yang telah memperlakukan kamu dengan ajaib..”

Bacalah Yoel 2:23-27. Apabila umat Tuhan kembali kepada-Nya dengan segenap hati mereka, ada perubahan dan janji yang akan mengubah komuniti mereka. Tuhan mau agar umat-Nya mengalami

HARI KESEMBILAN

10 Jun (Jumaat)

MENGALAHKAN

...tetapi lepaskanlah kami daripada yang jahat..

- Berdoa agar kuasa iblis dihalang dan kebenaran Firman Tuhan dinyatakan, sekaligus membebaskan ramai orang untuk mengikuti Kristus.
- Berdoa agar ramai orang dilepaskan dari penyembahan berhala, sihir dan kekuasaan dan tekanan dari iblis.
- Berdoa agar kuasa kegelapan yang merosak dan menguasai dunia perniagaan, kerajaan dan kota-kota dihancurkan oleh Tuhan.

HARI KESEPULUH

11 Jun (Sabtu)

MEMULIAKAN

...kerana Engkaulah yang empunya kerajaan dan kuasa dan kemuliaan sampai selamanya. Amin...

- Berdoa agar tanda-tanda Kerajaan Allah akan memenuhi bumi ini dan ramai orang yang akan merayakan kedatanganNya yang kedua kali.
- Berdoa agar kuasa Kristus dinyatakan melalui pelayanan umat-Nya
- Berdoa agar Yesus dihormati secara terbuka dan dimuliakan di seluruh dunia.

Panggilan untuk Kebangunan Rohani

“Aku akan mencurahkan Roh-Ku ke atas semua manusia..dan barangsiapa yang berseru kepada nama Tuhan akan diselamatkan.

Bacalah Yoel 2:28-32 dan bayangkan bagaimana janji-janji ini akan terjadi lebih besar dari sebelumnya. Berpalinglah kepada Tuhan dengan penuh pengharapan. Dia akan memperluaskan keselamatan-Nya secara global. Meskipun sewaktu hari-hari kita diisi dengan hal-hal yang menggoncangkan dan menyukarkan.. Dia akan mencurahkan Roh Kudusnya agar setiap orang akan meresponi panggilan Tuhan.

10-1-90

HARI DOA GLOBAL

Hari Minggu Pentakosta, Ahad 12 Jun, 2011.

- Berdoa bersama sebagai satu gereja pada waktu pagi hari minggu pentakosta.
- Sediakan satu waktu doa bersama (satu jemaat) dalam ibadah minggu di gereja anda.
- Beritahu kepada teman-teman seiman yang lain bahawa hari ini di merata tempat di seluruh dunia sedang berdoa bersama untuk dunia kita.

Antara cara yang boleh digunakan untuk mendorong anggota jemaat yang lain:

- Umumkan fakta bahawa jutaan manusia di seluruh dunia berdoa bagi kemuliaan Tuhan dan memberkati bangsa-bangsa.
- Bersama-sama naikkan “Doa untuk dunia” dengan suara kedengaran sebagai satu gereja.
- Berkongsi laporan (kesaksian) doa sepanjang 10 hari yang lalu.
- Berkumpul bersama di rumah-rumah atau tempat awam.
- Pada waktu tengahari, pada hari pentekosta, ramai orang kristian di seluruh dunia akan berkumpul di rumah-rumah mereka, di dalam stadium dan kawasan terbuka. Ada yang terdiri dari kumpulan kecil, namun ada juga yang terdiri daripada kumpulan besar. Masing-masing akan berdoa untuk visi yang sama iaitu pertobatan dan pengharapan bagi dunia. Kita akan cuba, sekiranya boleh, untuk berkumpul di beberapa tempat luar dari gereja kita.

Berdoa dengan Satu Suara: Doa Bagi Dunia

Di mukasurat yang seterusnya, anda akan menemukan doa “Doa Bagi Dunia:. Doa ini akan dinaikkan bersama di setiap pertemuan Hari Doa Global pada 12 Jun. Ianya telah disediakan oleh anggota Kesatuan Doa Antarabangsa. Ianya telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa dan kebanyakannya anda boleh dapati di www.globaldayofprayer.com “...berserulah mereka bersama-sama kepada Allah...” – Kisah Para Rasul 4:24

Doa Bagi Dunia

Allah yang perkasa – Bapa, Putra dan Roh Kudus,

Bersama-sama orang percaya di seluruh dunia, Kami berkumpul pada hari ini untuk memuliakan nama-Mu. Engkaulah Pencipta langit dan bumi. Tidak ada yang seperti Engkau, kudus dan benar dalam semua jalan-Mu. Kami tunduk pada kekuasaan-Mu sebagai Raja diatas alam semesta ini. Kami berdoa dengan satu suara untuk mendaulatkan Engkau di hati kami dan menghormati Engkau di hadapan dunia.

Jemaat : Tuhan Allah, hanya Engkaulah yang layak menerima pujian dan pemujaan kami.

Bapa kami yang di surga,

Terima kasih karena Engkau mengasihi dunia ini dengan luar biasa. Engkau memberikan Anak-Mu yang tunggal, Yesus Kristus, untuk mati di kayu salib bagi dosa-dosa kami, sehingga kami dapat didamaikan dengan Engkau. Kami sangat bersyukur untuk memanggil Engkau Bapa dan kami disebut sebagai anak-anak-Mu, karena iman kami didalam Yesus Kristus Juru Selamat kami. Tidak ada yang dapat memisahkan kami dari kasih-Mu.

Jemaat : Terima kasih Bapa, kerana mengangkat kami ke dalam keluarga-Mu sebab Yesus Kristus telah menjadi penyelamat kami.

Tuhan Yesus Kristus,

Hanya Engkaulah yang layak membuka lembaran-lembaran sejarah, Kerana Engkau telah dikorbankan dan telah menebus kami kepada Bapa dengan darah-Mu. Kami mengaku bahwa Engkaulah Kepala bagi Gereja dan Tuhan atas langit dan bumi. Kiranya orang-orang dari setiap suku dan bahasa menjadi pengikut-Mu sehingga berkat-Mu membawa transformasi di antara semua orang. Biarlah Kerajaan-Mu ditegakkan di setiap bangsa di dunia sehingga pemerintah-pemerintah akan memerintah dengan kebenaran dan keadilan. Dan kiranya Nama-Mu besar, dari terbit matahari sampai terbenamnya.

Jemaat : Yesus Kristus, Engkaulah Juru Selamat dunia dan Tuhan atas semua.

Bapa yang penuh kasih dan anugerah,

Kami mengaku bahwa kami telah berdosa dan bahwa dunia kami telah dicengkam oleh kuasa dosa. Hati kami berasa sedih diatas ketidakadilan, kebencian, dan kekejaman. Kami malu dengan tekanan, rasisme dan penumpahan darah di negeri kami. Kami berkabung diatas semua nyawa yang hilang akibat pembunuhan, perang dan keganasan. Rumah tangga kami pecah dan gereja kami pecah akibat pemberontakan dan kesombongan. Hidup kami dikotori denan keegoan, keserakahan, penyembahan berhala dan dosa seksual. Kami telah menlukakan hati-Mu dan membawa malu kepada Nama-Mu. Kasihanilah kami disaat kami datang bertobat dengan sungguh-sungguh.

Jemaat : Tuhan yang penuh kasih, ampunilah dosa kami. Curahkanlah anugerah-Mu dan pulihkan negeri kami.

Roh Allah yang hidup,

Tanpa Engkau, kami tidak dapat melakukan apapun.

Ubahlah Gereja-Mu menjadi serupa dengan gambaran Yesus Kristus. Curahkan kuasa-Mu untuk membawa kesembuhan bagi orang yang sakit, kemerdekaan bagi orang yang tertindas dan penghiburan bagi orang yang berkabung. Curahkan kasih-Mu kedalam hati kami dan penuhilah kami dengan belas kasihan untuk menjawab keperluan mereka yang tidak memiliki tempat tinggal dan dalam kelaparan dan untuk memeluk anak-anak yatim, janda dan orang tua didalam pemeliharaan-Mu. Berikan kami hikmat dan penglihatan bagi masalah-masalah rumit yang kami hadapi pada masa kini. Tolonglah kami memakai sumber daya alam untuk kebaikan semua orang.

Jemaat: Roh Kudus, kami perlukan penghiburan dan pimpinan-Mu. Ubahlah hati kami.

Tuhan Yesus Kristus,

Karena Engkau telah mati, tetapi sekarang telah bangkit; dan karena Bapa telah memberikan Engkau Nama diatas segala nama, Engkau akan mengalahkan semua kekuatan yang jahat. Meruntuhkan benteng-benteng dan ideologi yang menolak pengetahuan akan Tuhan. Menyingkirkan selubung kegelapan yang menutupi orang-orang. Tahanlah si jahat yang mengembangkan kejahatan dan kematian. Bawalah pembebasan dari tekanan roh jahat.

Hancurkan cengkaman perbudakan, penyalahgunaan kuasa dan penyakit. Penuhilah kami dengan keberanian untuk memberitakan Firman-Mu tanpa rasa takut dan untuk bersyafaat dengan setia bagi yang terhilang dalam iman.

Jemaat: Allah yang perkasa, bebaskanlah kami dari yang jahat.

Raja Kemuliaan,

Datang dan selesaikanlah pekerjaan-Mu di kota, masyarakat dan bangsa kami. Kami mengangkat suara kami serentak dengan orang-orang percaya dari Afrika dan Asia, dari Timur Tengah dan Eropa, dari Amerika Utara dan Selatan, dan dari Australia dan Kepulauan Pasifik — bersama-sama kami berseru:

Jemaat: Angkatlah kepalamu hai pintu-pintu gerbang! Terangkatlah pintu-pintu yang berabad-abad supaya masuk Raja Kemuliaan!

Ketika perbuatan-perbuatan-Mu semakin bertambah di seluruh bumi, dan berkat-Mu melimpah kepada seluruh bangsa-bangsa, mereka akan mencari Engkau, dan bertanya, “Siapakah Raja Kemuliaan?” Bersama-sama kami akan menjawab:

Jemaat: Dialah Allah yang perkasa! Diberkatilah Dia yang datang dalam nama Tuhan!

Datanglah dan penuhi bumi dengan kemuliaan-Mu seperti air yang menutupi dasar laut. Roh dan Pengantin Wanita berkata:

Jemaat: Amin! Datanglah Tuhan Yesus!

Sembilan Puluh Hari Memberkati

Isnin 24 Mei – Sabtu 21 Ogos

Menjadi berkat bagi Kristus

Hari Doa Sedunia dapat menjadi momentum yang bergerak. Orang-orang yang berdoa bersama-sama dapat menjadi orang-orang yang melayani bersama-sama, membawa berkat praktikal yang akan membawa perubahan kedalam komuniti-komuniti. Untuk membantu mimpi dan rencana Anda, carilah cara bagaimana orang-orang Kristian di seluruh Amerika memenuhi janji “90 Hari Memberkati” di www.globaldayofprayer.com.

Teruslah berdoa!

Tiga sumber boleh didapati di www.globaldayofprayer.com untuk membantu Anda terus bertumbuh dan bersatu dalam doa selama sembilan puluh hari memberkati:

- **Panduan Doa 90 hari.** Panduan setiap hari untuk berdoa menuju berkat yang membawa perubahan.
- **Mencari Wajah-Nya.** Belajar mempersembahkan diri Anda kepada Tuhan setiap hari dengan berdoa satu jam.
- **24/7 Berjaga dalam Doa.** Banyak yang melakukan doa 24/7 dengan berbagai gaya dan cara.

Hari Doa Global 2010:

Di kebanyakan tempat di seluruh dunia, Hari Doa Global akan terus berkembang melebihi tahun 2010. Layari www.globaldayofprayer.com untuk pengumuman mengenai acara-acara sepanjang Hari Doa Global.

Tuhan berfirman, “Tetapi sekarang, bertaubatlah dengan sungguh sungguh dan kembalilah kepada-Ku dengan berpuasa, menagis, dan meratap. Kembalilah kepada Tuhan Allah kamu, Dia penyayang dan penuh rahmat, Dia sabar dan menepati janji Nya, Dia sentiasa sedia mengampuni dan tidak suka menghukum... Kumpulkanlah segenap rakyat, siapkanlah mereka untuk perhimpunan umat, bawalah orang tua, kumpulkanlah anak-anak dan bayi-bayi juga..

Yoel 2:12-13, 16